



## Mudahkan pembiayaan beli rumah Kejiranan MADANI

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Jun 24, 2023 @ 5:11 pm  
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu memudahkan urusan pembiayaan supaya golongan sasaran berpeluang membeli kediaman menerusi projek pembangunan Kejiranan MADANI Wilayah Persekutuan.

Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, yakin ramai yang akan mengambil peluang membeli kediaman ditawarkan pada harga berpatutan menerusi projek itu.

Katanya, ramai tidak akan melepaskan peluang membeli kediaman yang dijual pada harga RM150,000 sehingga RM200,000 itu jika pembiayaan rumah berkenaan dipermudahkan.

"Masalah pembiayaan menyebabkan ramai masih tidak dapat membeli kediaman berikutan tidak memenuhi syarat kelayakan pinjaman.

"Perlu difikirkan bagaimana mereka layak mendapat pinjaman dan seterusnya membeli kediaman berkenaan.

"Kita boleh menggunakan konsep pembiayaan bersifat sewa beli kerana ia tidak akan membebankan pembeli," katanya kepada BH, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengumumkan pembangunan Kejiranan MADANI Wilayah Persekutuan untuk golongan M40, B40 dan rentan miskin yang mana pembangunannya akan bermula tahun ini.

Melalui pembangunan itu kelompok sasaran terbabit akan tinggal dalam satu kawasan kejiranan sama serta dilengkapi pelbagai kemudahan asas.

Ahmed Razman berkata, faktor perlu diambil kira ialah lokasi rumah kerana jika terlalu jauh dan tiada pengangkutan awam akan menyebabkan kos meningkat.

Katanya, saiz rumah dan jumlah bilik turut berperanan dalam menarik pembeli.

"Untuk saiz ditawarkan itu, tiga atau empat bilik bersesuaian terutama bagi mereka yang sudah berkeluarga.

"Isu perumahan rakyat sebelum ini yang kekurangan bilik dapat wajar dijadikan panduan," katanya.